

06 MAR 2000

Perancis-Pelaburan

PERANCIS GALAKKAN LEBIH BANYAK PELABURAN KE MALAYSIA

PUTRAJAYA, 6 Mac (Bernama) -- Perancis, satu daripada kuasa ekonomi di dunia, menggalakkan lebih banyak pelaburan di Malaysia berikutan pemulihan ekonomi yang pantas di negara ini sekarang, kata Menteri Negara bagi Perdagangan Asing Perancis, Francois Huwart, hari ini.

"Kami berasa yakin dengan ekonomi anda dan bagi pihak kerajaan kami, menggalakkan kerjasama yang lebih baik dan pelaburan lebih banyak di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas pertemuan 45 minit dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Huwart, yang tiba di sini malam tadi, mengetuai 20 anggota rombongan bagi lawatan sehari.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah presiden Kumpulan Anggota Parlimen Perancis-Malaysia Didier Boulaud, Duta Perancis ke Malaysia Xavier Driencourt dan Setiausaha Bahagian (Eropah dan Asia Tengah) Kementerian Luar, Datuk Dennis Ignatius.

Sambil menyifatkan hubungan Paris-Kuala Lumpur sebagai cemerlang, Huwart berkata hubungan dua hala antara kedua-dua negara tidak hanya tertakluk kepada perkongsian atau usahasama tetapi juga bidang lain seperti pemindahan teknologi.

Menurutnya Perancis mempunyai banyak syarikat bertaraf dunia dengan pengalaman luas dalam bidang alam sekitar, tenaga dan automotif, dan penyertaan mereka di Malaysia akan memperluaskan lagi kerjasama sedia ada.

Pelaburan Langsung Luar Perancis di Malaysia dari 1994 hingga 1998 ialah RM510 juta dan negara itu adalah pelabur yang ke-13 terbesar di negara ini. Dengan mempunyai penduduk kira-kira 60 juta orang, Perancis ialah kuasa dagang keempat terbesar di dunia dan pelaburannya di negara-negara asing telah mencapai AS\$60 bilion tahun lepas.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Perancis pada 1997 ialah RM6.35 bilion dan ia merosot 34 peratus pada 1998, sebahagian besarnya kerana kegawatan ekonomi serantau di Asia, tetapi kembali meningkat kepada RM8 bilion tahun lepas.

Terdapat kira-kira 170 syarikat Perancis yang beroperasi di sini dan antara yang terkenal dengan pelaburan di Malaysia ialah syarikat automotif Citroen, syarikat telekomunikasi Alcatel dan gedung pasaraya, Carrefour.

Sambil menyifatkan perbincangannya dengan Dr Mahathir sebaga "berjaya", Huwart berkata mereka berdua juga membincangkan mengenai globalisasi dan Perdana Menteri turut menyatakan kebimbangannya mengenai banyak kesan negatif akibat proses itu seperti pengambilan bekerja.

"Saya boleh katakan bahawa kami, kerajaan Perancis, berpendapat bahawa kami memihak kepada globalisasi yang dikawal selia... sesuatu yang lebih seimbang," katanya.

Huwart berkata kedua-dua negara akan membincangkan lebih lanjut isu itu pada Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Seoul pada Oktober tahun ini.

Huwart berkata beliau juga berbincang dengan Dr Mahathir mengenai kerjasama kedua-dua negara dalam pembangunan infrastruktur.

Beliau turut ditanya sama ada Penerbangan Malaysia menunjukkan sebarang minat terhadap pesawat-pesawat baru dari Airbus Industrie.

"Kami mempunyai perbincangan yang meluas dan kami menyentuh mengenainya. Rumusnya ialah kami perlu berudsa lagi untuk mencari penyelesaian ... satu penyelesaian yang seimbang," katanya.

Menurutnya Airbus masih lagi meneruskan perbincangan mengenai perkara itu.

Huwart juga ditanya sama ada Citroen mungkin menarik balik pelaburannya dalam kerjasama teknikal untuk kereta nasional baru.

"Kami telah membincangkan mengenainya. Saya rasa Perdana Menteri (Dr Mahathir) sedar mengenai masalah itu dan beliau memberitahu kami mengenai keperluan menerimapakai projek kami," katanya.

Dalam satu perjanjian yang ditandatangani pada 1997, Citroen mengadakan program kerjasama teknikal dengan Proton untuk mengeluarkan kereta nasional baru berdasarkan kereta Citroen Saxo di Eropah, sebuah kenderaan yang sama seperti Proton Tiara.

Proton dan Citroen menjalinkan kerjasama untuk mengeluarkan Proton Tiara pada 1996.

-- BERNAMA

RV NAK